

(6 November 2021) pos no. p. 4.

Kematian akibat Covid-19 di Kuala Lumpur meningkat

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Kuala Lumpur merekodkan peningkatan peratusan kematian sebanyak 89 peratus, sekali gus tertinggi berbanding negeri-negeri lain untuk tempoh purata 14 hari hingga kelmarin.

Menurut data COVIDNOW, tiga lagi negeri yang mencatatkan peningkatan peratusan kes kematian sepanjang tempoh tersebut ialah Pahang (45 peratus), Terengganu (44 peratus) dan Perak (empat peratus).

"Selain itu, hanya Labuan dan Putrajaya yang tidak mencatatkan kematian sepanjang tempoh purata 14 hari.

"Bagaimanapun, secara keseluruhan, kes kematian Covid-19 di seluruh negara untuk tempoh 14 hari merekodkan penurunan sebanyak 15 peratus," demikian data pada laman web tersebut semalam.

Dalam masa sama, sebanyak 64 kes kematian Covid-19 dilaporkan, menjadikan jumlah kes kematian di seluruh negara sebanyak 29,155 kes.

Tiada kes kematian dilaporkan dalam tempoh 24 jam kelmarin, manakala sebanyak 16 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID), dengan keseluruhan kes BID se-



ANGGOTA bomba membantu menguruskan pengebumian jenazah Covid-19 di Kuala Terengganu baru-baru ini. — PUQTRA HAIRRY

banyak 5,903 kes.

Kesemua kes kematian dilaporkan di Sarawak (19), Johor (8), Kelantan (7), Selangor (6), Perak (6), Pahang (4), Kedah (3), Terengganu (3), Sabah (3), Pulau Pinang (2), Kuala Lumpur (2) dan Negeri Sembilan (1) serta tiada kematian di Melaka, Perlis, Labuan dan Putrajaya.

Bagi kemasukan kes positif Covid-19 ke hospital di Malaysia pula untuk tempoh tujuh hari, data menunjukkan penurunan sebanyak enam peratus.

Namun, ada pertambahan kemasukan kes ke hospital melibatkan enam negeri iaitu Terengganu (31 peratus), Negeri Sembilan (14 peratus), Pahang (13 peratus), Melaka (lima peratus), Sabah (dua peratus) dan Johor (satu peratus).

Sementara itu, sebanyak 4,922 kes jangkitan baharu dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 2,497,265 kes, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.